

College Excellent juara keseluruhan Karnival Sukan UMS

DE 27 II. 17 8

KOTA KINABALU: College Excellent muncul sebagai juara keseluruhan dalam Karnival Sukan Antara Kolej Perumahan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2017 yang berakhir di Kompleks Sukan UMS pada Ahad.

Mereka memenangi empat pingat emas, lima perak dan satu gangsa dengan emas tersebut disumbangkan pasukan bola tampar lelaki dan perempuan; pasukan ping pong dan juga bola jaring yang mengungguli kejohanan lapan pasukan itu. Naib johan menjadi milik College Tun Mustapha dengan tiga emas dan satu gangsa sementara College Beta dari Labuan menamatkan cabaran di tempat ketiga dengan tiga emas.

Timbalan Naib Canselor UMS Hal Ehwal Pelajar Prof. Dr. Ismail Ali yang merasmikan majlis penutupan menekankan kepentingan penglibatan penuntut dalam sukan ketika berucap dan beliau juga mahu UMS untuk menjadi juara dalam temasya antarabangsa.

Sebagai permulaan, beliau mencabar UMS untuk memenangi Temasya Sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang akan dianjurkan UMS buat kali kedua di Kompleks Sukan UMS pada 16-17 Disember. - GL Oh